

## Tiada pelan suami isteri isi jawatan PM, TPM

**MalaysiaKini.com**

**07 Januari, 2018**

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata PKR tidak merancang mewujudkan kombinasi suami isteri untuk jawatan perdana menteri dan timbalan perdana menteri.

Kata ketua pembangkang itu perancangan terpenting Pakatan Harapan (HARAPAN) ketika ini ialah menjatuhkan BN melalui pilihan raya umum (PRU) ke-14.

Ditanya kemungkinan negara ini akan diurus oleh pasangan suami isteri, anggota parlimen Permatang Pauh itu menjelaskan ia tidak ada dalam pelan tindakan HARAPAN.

"Saya tidak fikir kami merancang sehingga ke tahap itu sekarang.

"Kami cuma mahu memenangi PRU. Bukan dirancang untuk mewujudkan pasukan suami isteri," katanya kepada media selepas berakhirnya Konvensyen HARAPAN di Shah Alam hari ini.

Di akhir konvensyen berkenaan gabungan empat parti itu secara rasmi mengumumkan Dr Wan Azizah sebagai calon timbalan perdana menteri jika BN diketepikan dari Putrajaya.

### **Tak kekal selamanya**

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Tun Dr Mahathir Mohamad pula dinamakan sebagai calon perdana menteri.

Pelan HARAPAN ialah mendapatkan pengampunan diraja buat suami Dr Wan Azizah, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kini menjalani hukuman penjara di Sungai Buloh.

Beliau kemudian akan menjalani proses biasa undang-undang sebelum diangkat menjadi perdana menteri.

Anwar memang asalnya calon perdana menteri daripada pembangkang sebelum ini sehinggalah BERSATU ditubuhkan dan nama Dr Mahathir dicadangkan.

Jika pelan itu menjadi kenyataan - dan HARAPAN benar-benar mengetepikan BN dari Putrajaya - Dr Mahathir akan berundur dan Anwar disebut-sebut menggantikannya.

Dalam keadaan itu Anwar menjadi perdana menteri manakala Dr Wan Azizah sebagai timbalannya.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara dan bakal bebas pada 8 Jun ini.

Pada sidang media sama Dr Mahathir berkata beliau tidak bercadang menjadi perdana menteri sehingga ke akhir hayatnya.

Ditanya kemungkinan Dr Mahathir akan menghabiskan tempoh penggal sebagai perdana menteri sehingga ke PRU ke-15, beliau tidak menjawab dengan jelas.

"Ia boleh jadi apa-apa saja. Saya berumur 92 tahun sekarang dan saya tidak kekal selama-lamanya," katanya.

Untuk rekod Dr Mahathir adalah individu yang menjadi perdana menteri ketika Anwar dikaitkan dengan salah laku seks serta rasuah sehingga menyebabkan beliau disingkirkan daripada jawatannya sebagai timbalan perdana menteri.

Dr Mahathir juga pernah menegaskan Anwar tidak layak menjadi perdana menteri kerana dakwaan liwat yang dikaitkan kepadanya.

Mengenai cadangan menjadikan Anwar sebagai perdana menteri kelapan Malaysia, Dr Mahathir berkata, ada proses yang perlu dilakukan mengikut undang-undang.

"Terserah kepada parti untuk menentukan bila beliau akan mengambil alih," katanya.

**Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/407885>